

RESPONS MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

R KALAI VILANGGUM KANIMOLI A/P RETNAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**RESPONS MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN KEHILANGAN
PENDAPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19**

R KALAI VILANGGUM KANIMOLI A/P RETNAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Pendidikan
Sarjana Pendidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 OGOS 2024

i. Perakuan Pelajar

Saya, R KALAI VILANGGUM KANIMOLI A/P RETNAM (M20201000373)
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis
Yang Bertajuk RESPONS MASYARAKAT TERHADAP BANTUAN
KEHILANGAN PENDAPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19 adalah hasil
kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil
kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran
semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah
dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR ZURIATUNFADZLIAH BINTI SAHDAN dengan ini mengesahkan
bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk RESPONS MASYARAKAT TERHADAP
BANTUAN KEHILANGAN PENDAPATAN SEMASA PANDEMIK COVID-19
dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh
IJAZAH SARJANA GEOGRAFI (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA
KURSUS)

06/09/2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR ZURIATUNFADZLIAH SAHDAN
PENSYARAH
JABATAN GEOGRAFI & ALAM SEKITAR
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM, PERAK.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan kerana di atas limpah dan kurniaNya, dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Zuriatunfadzliah Binti Sahdan, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh beliau dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah meluluskan cuti belajar bersama biasiswa saya selama 22 bulan dengan kemudahan gaji penuh. Juga tidak dilupakan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang memberikan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana di universiti ini. Ribuan terima kasih kepada ibu dan ibu mentua saya yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada suami tersayang serta kedua-dua anak saya, atas kesabaran, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa mereka, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.



ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah mengubah corak kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Usaha mencegah penularan kes COVID-19 telah menjejaskan pendapatan rakyat. Kerajaan Malaysia menanganinya dengan melaksanakan Bantuan Prihatin Nasional, Moratorium, Program Strategi Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA). Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti reaksi masyarakat khususnya kepada bantuan berbentuk kewangan yang dikenali sebagai Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP). Melalui penyelidikan kualitatif dengan kaedah netnografi, sebanyak 356 komen netizen mengenai BKP di ruang maya telah diperolehi. Komen tersebut dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti secara tematik. Analisis kajian menunjukkan bahawa respons masyarakat terhadap bantuan semasa pandemik tersebut adalah bersifat positif dan negatif. Responnya terdiri daripada bersyukur dan menyatakan sokongan terhadap kerajaan kerana mengurangkan beban mereka, namun begitu terdapat masyarakat yang memberikan kritikan iaitu menzahirkan perasaan marah dan perasaan kecewa kerana tidak berupaya membantu mereka dengan berkesan. Seterusnya dapatan menunjukkan kelemahan BKP yang mengetepikan masyarakat yang berstatus bujang dan berada pada tangga gaji bawah RM1000. Selain itu, bantuan tersebut dilihat tidak diagihkan dengan baik serta tidak mencukupi dari segi jumlah disebabkan oleh kelemahan peranan kerajaan dan majikan. Kajian ini memberi gambaran yang jelas kepada pihak kerajaan tentang tempoh bantuan, jenis bantuan yang diperlukan serta syarat pemberian bantuan harus diteliti berdasarkan kebajikan semua lapisan masyarakat. Penyampaian maklumat yang signifikan tentang cara permohonan bantuan harus diberi tumpuan. Kepimpinan kerajaan dalam menyalurkan bantuan secara berefektif dapat membawa kepada urus tadbir yang baik.

COMMUNITY RESPONSE TO LOSS OF INCOME ASSISTANCE DURING THE COVID-19 PANDEMIC

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has changed the way people live around the world. Efforts to prevent the spread of COVID-19 cases have affected people's income. The Malaysian government dealt with it by implementing the National Concern Assistance, Moratorium, People and Economic Empowerment Strategy Program (PEMERKASA). The aims of this research is to examine the societal response specifically to financial assistance known as Income Loss Aid (BKP). Adopting qualitative research with netnography method, a total of 356 netizen comments around BKP in virtual space have been obtained. The comments were analysed thematically via ATLAS.ti software. Analysis of the study shows that the societal response to the aid during the pandemic are; grateful and expressed individed support to the government for reducing their burden, while some netizens gave criticism, expressing anger and frustration for not being able to help them effectively. The findings also show the weaknesses of the BKP implementation that excludes people who are single and on the salary scale below RM1000. In addition, the aid is seen to be not well distributed and insufficient in terms of amount due to the shortcoming in terms of the government and employers' roles. The effectiveness of the aid during the pandemic can be seen to be achieved if the government carefully considers the rights of individuals and better delivery and accessibility of information. This study gives a clear picture to the government about the duration of aid, the type of aid required and the conditions for granting aid should be examined based on the welfare of all levels of society. The delivery of significant information on how to apply for assistance should be the focus. The government's leadership in channeling aid effectively can lead to good governance.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.3 Pernyataan masalah	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan kajian	10
1.7 Batasan kajian	11
1.8 Kerangka konseptual	11
1.9 Definisi Operasional	13
1.9.1 Bantuan Kehilangan Pendapatan	13

1.9.2	Pandemik COVID-19	13
1.9.3	Masyarakat Maya	14
1.10	Rumusan Bab	14

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	16
2.2	Bantuan Kerajaan Luar Negara Ketika Pandemik	
2.3	Bantuan Kerajaan Ketika Pandemik	21
2.3.1	Bantuan Kehilangan Pendapatan	33
2.4	Teori Urus Tadbir Baik	37
2.5	Respons Masyarakat Terhadap Bantuan Kerajaan Ketika Musim Pandemik	41
2.5.1	Bersyukur dan Memberi Sokongan Terhadap Pemimpin	43
2.5.2	Rasa hampa terhadap kelemahan pelaksanaan Bantuan Kehilangan Pendapatan	44
2.5.2.1	Agihan Bantuan Tidak Sekata	44
2.5.2.2	Merayu dan Mendesak Kerajaan untuk Mengeluarkan Wang Sendiri	46
2.5.3	Kelemahan Bantuan Kehilangan Pendapatan Semasa Pandemik COVID-19 Kerajaan Meminggirkan Pelbagai Golongan	47
2.5.3.1	Bantuan Tidak Mencukupi	48
2.6	Cadangan Penambahbaikan Dalam Bantuan Kerajaan Semasa Pandemik Covid-19	50
2.6.1	Menyemak Semula Pengelasan Sosioekonomi Masyarakat	50
2.6.2	Penyampaian Maklumat yang Efisien	51
2.6.3	Ketersampaian Maklumat	52
2.7	Kesimpulan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Kaedah Kajian Netnografi	57
3.4	Lapangan Kajian dan Sampel Kajian	60
3.5	Prosedur Pengumpulan dan Penganalisisan Data	61
3.6	Etika Penyelidikan	67
3.7	Kesimpulan	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	69
4.2	Respons Masyarakat Terhadap Bantuan Kehilangan Pendapatan Semasa Pandemik COVID-19	70
4.2.1	Bersyukur dan Memberi Sokongan Terhadap Pemimpin	70
4.2.2	Rasa Hampa Terhadap Kelemahan Pelaksanaan Bantuan Sara Hidup Semasa Pandemik COVID-19	73
4.2.3	Merayu dan Mendesak Kerajaan Untuk Mengeluarkan Wang Sendiri	76
4.2.4	Putus Asa dan Mengharapkan Kematian Untuk Mengakhiri Penderitaan	78
4.3	Kelemahan Bantuan kehilangan pendapatan Semasa Pandemik COVID-19	80
4.3.1	Kerajaan Meminggirkan Pelbagai Golongan yang Memerlukan	
4.3.1.1	Golongan Bujang	80
4.3.1.2	Golongan B40 yang Bergaji RM1000 dan Ke Atas	82
4.3.1.3	Pekerja dengan Tangga Gaji M40	86

4.3.1.4	Golongan Warga Emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU)	87
4.3.1.4	Golongan Wanita: Suri Rumah, Ibu Tunggal dan Wanita dalam Poligami	87
4.3.2	Bantuan Tidak Mencukupi	90
4.3.3	Agihan Bantuan Melalui Majikan yang Tidak Peduli Kebajikan Pekerja	97
4.4	Cadangan Penambahbaikan Bantuan kehilangan pendapatan Semasa Pandemik COVID-19	99
4.4.1	Menyemak Semula Pengelasan Sosioekonomi Masyarakat	100
4.4.2	Memberi Bantuan Secara Adil dan Konsisten dalam Tempoh Lebih Panjang	100
4.4.3	Menentukan Jumlah Bantuan Berdasarkan Komitmen Kewangan	101
4.4.4	Memastikan Penyampaian Maklumat Bantuan Adalah Efisien	102
4.4.4.1	Penyampaian Maklumat	102
4.4.4.2	Ketersampaian Maklumat	104
4.5	Kesimpulan	109

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	111
5.2	Respons Masyarakat Terhadap Bantuan Kehilangan Pendapatan Semasa Pandemik COVID-19	112
5.2.1	Beryukur dan Memberi Sokongan Terhadap Pemimpin	112
5.2.2	Rasa Hampa Terhadap Kelemahan Pelaksanaan Bantuan Kehilangan Pendapatan	113
5.2.3	Merayu dan Mendesak Kerajaan Untuk Mengeluarkan Wang Sendiri	115
5.2.4	Putus Asa dan Mengharapkan Kematian Untuk Mengakhiri Penderitaan	116

5.3	Kelemahan Bantuan Kehilangan Pendapatan Semasa Pandemik COVID-19	116
5.3.1	Kerajaan Meminggirkan Pelbagai Golongan yang Memerlukan	117
5.3.2	Bantuan Tidak Mencukupi	119
5.3.3	Agihan Bantuan Melalui Majikan yang Tidak Peduli Kebajikan Pekerja	121
5.4	Cadangan Penambahbaikan Sistem Bantuan Kehilangan Pendapatan Ketika Pandemik COVID-19	122
5.4.1	Menyemak Semula Pengelasan Sosioekonomi Masyarakat	122
5.4.2	Memberi Bantuan Secara Adil Dan Konsisten Dalam Tempoh Yang Lebih Panjang	123
5.4.3	Menentukan Jumlah Bantuan Berdasarkan Komitmen Kewangan	124
5.4.4	Memastikan Penyampaian Maklumat Adalah Efisien	125
5.5	Implikasi Kajian	126
5.5.1	Kewujudan Ruang Maya Yang Selamat Adalah Penting Untuk Semua Pihak	127
5.5.2	Gambaran Sebenar kepada kerajaan	128
5.5.3	Perihal Data Kerajaan	128
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	129
5.6.1	Kajian Lanjutan Menggunakan Kaedah Netnografi	129
5.6.2	Kajian Lanjutan Tentang Jenis Bantuan	129
5.7	Kesimpulan	130
	RUJUKAN	131

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Peruntukan bantuan kerajaan Korea Selatan dan Amerika Syarikat ketika pandemik COVID-19	19
2.2	Jumlah penerimaan Bantuan Prihatin Nasional mengikut jumlah pendapatan	24
2.3	Jumlah had pendapatan sebulan bagi golongan B40	25
2.4	Jumlah had pendapatan sebulan bagi golongan M40	25
2.5	Jumlah had pendapatan sebulan bagi golongan T20	26
2.6	Jadual menunjukkan Inisiatif PEMERKASA	35





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1	Kerangka proses pengutipan data dan penganalisan data	64
3.2	Kutipan Data Menggunakan Aplikasi ATLAS.Ti	66



SENARAI SINGKATAN

B40	Bottom 40
BKP	Bantuan Kehilangan Pendapatan
BPN	Bantuan Prihatin Nasional
BSH	Bantuan Sara Hidup
COVID-19	Coronavirus Disease of 2019
M40	Middle 40
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
T20	Top 20
WHO	World Health Organisation

BAB 1

PENGENALAN

Dunia dikejutkan dengan penemuan sejenis virus di Wuhan, China pada November 2019 dan seterusnya dinamakan sebagai (COVID-19). Virus ini sangat bahaya berlaku penularan dari manusia ke manusia yang mengakibatkan sindrom pernafasan akut teruk (Kumar et al., 2021; Li et al., 2021; Rosenthal et al., 2022). Virus ini mudah berjangkit dan menular dengan begitu cepat sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kemudiannya mengisytiharkan penyakit itu sebagai pandemik global.

Pada 25 Januari 2020, kes pertama COVID-19 dikesan di Malaysia terhadap tiga orang warga China yang sebelum ini mempunyai hubungan rapat dengan orang yang dijangkiti Covid 19 di Singapura. Mereka tiba di Malaysia melalui Singapura pada 24 Januari 2020. Mereka dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor, Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pantas merangka satu garis panduan yang standard untuk pengurusan COVID-19 serta menetapkan 34 hospital dan pusat saringan secara khusus di setiap negeri di Malaysia.

Warga Malaysia pertama disahkan menghidap COVID-19 adalah pada 4 Februari 2020 iaitu seorang lelaki berusia 41 tahun yang baru pulang dari Singapura apabila dia mula mengalami demam dan batuk. Beliau telah di kuarantin di Hospital Sungai Buloh, Selangor. Pada hari yang sama, seorang kanak-kanak perempuan warga China berusia 4 tahun yang telah diasingkan di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, sejak 29 Januari 2020, telah sembuh dan dibenarkan pulang ke China. Di Malaysia, ini adalah pesakit pertama yang telah pulih daripada COVID-19 sejak wabak itu bermula.

Dengan peningkatan kes secara mendadak iaitu melebihi 3 juta dengan 207,973 kematian di seluruh dunia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO telah mengiktiraf COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (WHO, 2020). Jangkitan itu bukan sahaja menjadi krisis kesihatan awam tetapi juga menjejaskan ekonomi global. Impak ekonomi yang ketara telah pun berlaku di seluruh dunia disebabkan oleh pengurangan produktiviti, kehilangan nyawa, penutupan perniagaan, gangguan perdagangan dan kemerosotan industri pelancongan.

Kajian oleh Kraemer et al., (2020) di Wuhan, telah menunjukkan penurunan pesat dalam penyebaran COVID-19 selepas China melaksanakan sekatan terhadap pergerakan dan perjalanan orang ramai dan mengamalkan penjarakan sosial. Ini membuktikan bahawa langkah-langkah kawalan, antara pendekatan lain yang boleh menurunkan jumlah kes COVID-19 dengan ketara. Ini adalah kerana bilangan kes yang



disahkan lebih rendah dilaporkan masuk ke Wuhan seminggu selepas pelaksanaannya (Kraemer et., 2020; Pan et al., 2020).

Malaysia mempunyai beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan dengan syarat yang berbeza-beza sepanjang pandemik, secara amnya untuk menyekat pergerakan masuk dan memutuskan rantai penularan COVID-19 (Rajendran et al., 2021).

Sekatan pergerakan dilihat sebagai satu pendekatan terbaik untuk mengawal penyebaran wabak berjangkit seperti koronavirus (Chinazzi, Davis et al, 2020; Sohrabi, Alsafi et al, 2020, Wilder-Smith & Freedman, 2020). Kebanyakan negara telah mengarahkan sekatan perjalanan, penjarakan sosial, dan penangguhan acara bagi tempoh tidak kurang 14 hari di negara masing-masing. Perdana Menteri yang berkuasa semasa permulaan pandemik COVID-19 mendakwa bahawa Malaysia adalah negara yang paling awal melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020. berdasarkan ucapan khas Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Dalam tempoh ini, penyelidik dalam pelbagai bidang seperti perubatan, ekonomi, perniagaan, teknologi, sosiologi dan psikologi bertungkus-lumus melaksanakan kajian bagi menangani krisis akibat pandemic COVID-19.

Pandemik COVID-19 ini telah mengubah corak kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Aktiviti ekonomi terpaksa dihentikan dengan penularan jumlah kes COVID-19 yang semakin meningkat. Seluruh dunia masih belum pulih daripada pandemik ini. Sektor ekonomi terjejas teruk dan memerlukan tindakan serta merta dari semua kerajaan di seluruh dunia bagi membantu menguruskan ekonomi negara masing-





masing. Pengurangan ketara dalam pendapatan, peningkatan pengangguran dan gangguan dalam industri pengangkutan, perkhidmatan dan pembuatan adalah antara akibat daripada langkah kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan di banyak negara. Kebanyakan kerajaan di dunia memandang rendah terhadap risiko penyebaran COVID-19 yang begitu cepat dan menyebabkan ekonomi terjejas teruk (Pak et al., 2020).

Di samping itu, sifat khusus pandemik iaitu kawalan pergerakan memberi manfaat kepada sektor tertentu seperti e-dagang, penghantaran makanan, teknologi maklumat dan industri penjagaan kesihatan yang meningkatkan pertumbuhan ekonomi untuk mengimbangi kerosakan yang berpunca dari virus ini (Szmigiera, 2021).

COVID-19 merupakan satu kejutan untuk pemimpin dunia untuk memperhebatkan kerjasama dalam kesiapsiagaan wabak dan menyediakan pembiayaan yang diperlukan untuk tindakan kolektif antarabangsa. Kerajaan telah belajar daripada krisis sebelum ini iaitu kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997. Akibatnya, beberapa kerajaan negara di dunia telah meningkatkan peruntukan kebajikan kewangan mereka kepada rakyat dan memastikan perniagaan mempunyai akses kepada dana yang diperlukan untuk memastikan rakyat mereka dapat bekerja sepanjang tempoh pandemik (Park et al., 2020).

Ekonomi yang merudum telah menjejaskan sosioekonomi masyarakat yang rata-rata terdiri daripada golongan yang bekerja dengan majikan dan juga peniaga kecil. PKP telah menyebabkan mereka kehilangan pendapatan akibat daripada penutupan tempat kerja atau perniagaan. Ini menyebabkan masyarakat mengalami kesukaran untuk menyara kehidupan mereka yang memang telah serba kekurangan.



Perintah darurat atau kuarantin yang dijalankan memberi impak kepada aktiviti ekonomi lantaran penutupan premis peruncitan dan gangguan rantai penghantaran produk (Karabag, 2020). Di Malaysia misalnya, antara sektor ekonomi yang terkesan secara langsung akibat PKP adalah sektor berasaskan pertanian dan makanan, peruncitan, pengangkutan dan pembinaan, dan sektor pelancongan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

1.2 Latar Belakang Kajian

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi impak kepada setiap golongan masyarakat, terutamanya isi rumah dalam kalangan B40 dan M40. Antara bantuan bagi pemerkasaan perniagaan yang disediakan ialah Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Program Subsidi Upah 2.0 yang dilanjutkan kepada 31 Julai. Skim Pemulihan Perniagaan Tekun serta Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran (*Ministry of Finance*, M. 2020).

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan dan institusi kewangan bagi meringankan beban rakyat ketika pandemik COVID-19. Rentetan itu, moratorium bersasar turut ditawarkan dan pemohon yang layak diberi pilihan sama ada kelulusan automatik moratorium selama tiga bulan atau pengurangan bayaran balik ansuran sebanyak 50 peratus selama enam bulan. Maka dengan ini jelaslah bahawa pihak kerajaan dan bank amat memahami mengenai keperluan masyarakat. Selain moratorium bersasar, masih banyak bantuan COVID-19 lain yang disediakan dan boleh dipohon (*Ministry of Finance*, M. 2020).

Seterusnya adalah penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman perniagaan. Pengecualian 100% duti setem diberikan atas perjanjian penstrukturan dan penjadualan semula bermula dari 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020. Diikuti dengan Dana Kemudahan Bantuan Khas berjumlah RM2 bilion untuk membantu aliran tunai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas. Di bawah SRF, jumlah pinjaman maksimum RM1 juta bagi setiap PKS. Pihak kerajaan turut menyediakan Kemudahan Kredit Mikro Bank Simpanan Nasional (BSN) kepada peniaga kecil. BSN akan menawarkan Skim Kredit Mikro berjumlah RM200 juta pada kadar 4% untuk syarikat dalam sektor pelancongan dan lain-lain sektor yang terjejas (*Ministry of Finance*, M. 2020).

Justeru itu, para graduan dan perantis lepasan sekolah diberi inisiatif sebanyak RM600.00. Selain itu, pihak kerajaan turut memberi diskaun bil elektrik selama enam bulan. Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN selama tiga bulan. Bayaran pinjaman MARA turut diberi penangguhan bayaran selama tiga bulan. Pihak kerajaan turut memberi bantuan kewangan sebanyak RM600.00 selama enam bulan kepada pekerja yang berpendapatan RM4000 atau kurang sebulan yang mengambil cuti tanpa gaji (*Ministry of Finance*, M. 2020).

Seterusnya, demi meringankan beban kerajaan ketika pandemik, pengecualian yuran Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan dari Mac hingga Jun. Di samping itu, elaun khas kepada petugas perubatan sebanyak RM 400.00. Justeru itu, Lembaga Hasil Dalam Negara (LHDN) memberi penangguhan kepada pembayar cukai di bawah sektor pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan.

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memberi kesan yang baik kepada kehidupan rakyat jelata. Melalui bantuan Pakej PRIHATIN ini rakyat berupaya menghela nafas lega dengan pelaksanaan moratorium kewangan serta Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diperkenalkan, bagi meringankan beban ekonomi rakyat akibat wabak COVID-19. Pakej PRIHATIN yang berjumlah RM250 bilion memberi manfaat kepada semua pihak. Daripada jumlah itu, sebanyak RM128 bilion atau 51.2 peratus telah disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat (*Ministry of Finance, M.* 2020).

Maka dapat dirumuskan bahawa pihak kerajaan telah mengambil langkah kanan demi meringankan beban rakyat ketika pandemik COVID-19. Namun begitu, bantuan kerajaan dianggap sebagai langkah penyelesaian bagi tempoh jangka pendek khususnya

1.3 Pernyataan Masalah

Bantuan kerajaan kepada masyarakat tidak pernah berhenti walaupun berlakunya beberapa perubahan dalam politik pentadbiran negara. Kesemua pemerintah yang terlibat semasa bermulanya pandemik sehinggalah hari ini mengutamakan kebajikan rakyat dengan menyalurkan beberapa bantuan bagi memulihkan ekonomi negara dan juga sosioekonomi masyarakat. Kerajaan bertungkus lumus dalam melaksanakan dasar-dasar baharu dalam mengelakkan pengangguran dan membantu meringankan beban rakyat. Bermula dengan Bantuan Sara Hidup (BSH) sehinggalah Bantuan Keluarga



Malaysia (BKM), masyarakat telah menerima bantuan secara berperingkat bagi membantu mereka secara berterusan tatkala era COVID-19 ini.

Di sisi yang lain, tanggapan umum masyarakat adalah mengenai jenis bantuan yang tidak memberi apa-apa kesan kepada masyarakat. Bantuan yang disediakan tidak sekata dari segi pengagihannya dan bukannya untuk segenap lapisan masyarakat. Berdasarkan Hasbullah dan Rahman (2020) dalam kajian mereka menyatakan walaupun kerajaan berusaha memberi bantuan namun segelintir masyarakat tidak menerima bantuan seperti yang dijanjikan. Golongan bujang, walaupun tidak mempunyai berkahwin masih perlu menjaga ahli keluarga yang lain seperti ibu bapa, adik beradik dan sebagainya. Namun bantuan yang diberikan kepada mereka jauh lebih rendah berbanding dengan golongan yang telah berumah tangga.



Oleh itu, bantuan yang berimpak tinggi dan merangkumi semua golongan dan kawasan tanpa membezakan parti politik dan bangsa adalah penting. Menurut Maknolia, Y., & Hidayat, D. (2020) walaupun pemerintah telah menyalurkan bantuan semasa pandemik COVID-19 namun bantuan tersebut masih tidak dapat memuaskan semua lapisan masyarakat. Manakala, menurut Shakina, D. A. R., Caesaria, S. M., Nasution, P. N. H., & Mutiah, N. F. (2023). Pandemik COVID-19 telah memberi impak kepada masyarakat dari segi kesihatan mental, ekonomi yang secara tidak langsung telah mempengaruhi respons rakyat terhadap bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan.



Kajian ini adalah untuk melihat respons masyarakat terhadap bantuan kehilangan pendapatan yang telah diberi oleh pihak kerajaan. Kajian ini melihat jurang yang wujud di antara respons masyarakat sama ada mereka puas hati ataupun tidak terhadap bantuan- bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan semasa pandemik COVID-19.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- i. Meneliti respons masyarakat terhadap Bantuan Kehilangan Pendapatan semasa pandemik COVID-19.
- ii. Mengeksplorasi kelemahan Bantuan Kehilangan Pendapatan yang diterima masyarakat semasa pandemik COVID-19.
- iii. Mencadangkan penambahbaikan dalam Bantuan Kehilangan Pendapatan semasa pandemik COVID -19.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah respons masyarakat terhadap Bantuan Kehilangan Pendapatan semasa pandemik COVID-19?
- ii. Apakah kelemahan Bantuan Kehilangan Pendapatan yang diterima oleh masyarakat semasa pandemik COVID-19?

- iii. Sejauhmanakah Bantuan Kehilangan Pendapatan semasa pandemik COVID-19 boleh ditambah baik?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting dan berguna kerana ia berperanan sebagai sumber rujukan kepada pihak kerajaan pada masa akan datang. Kepentingan kajian lebih tertumpu kepada jenis bantuan yang diperlukan oleh rakyat ketika berada dalam keadaan pandemik mahu pun ditimpa sebarang bencana alam. Dapatan kajian ini mencerminkan situasi dan keperluan rakyat jelata ketika pandemik dan jenis bantuan yang mereka perlukan. Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan yang berguna kepada pihak kerajaan demi kepentingan rakyat Malaysia. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu Kementerian Kewangan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam merancang bentuk bantuan yang sesuai disalurkan. Selain itu, hasil kajian ini turut akan membantu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam merangka jenis bantuan yang sesuai kepada golongan wanita.

Hasil kajian ini juga diharap dapat menjelaskan keperluan rakyat dalam menyusun strategi yang sesuai demi kebajikan masyarakat. Di samping itu, kehendak dan keperluan rakyat dapat dikenal pasti. Dapatan dari kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada para pengkaji yang akan datang dalam mengkaji bidang sosioekonomi.



1.7 Batasan Kajian


Kajian ini dijalankan di ruang maya khususnya pengkaji menggunakan media sosial iaitu terhad kepada platform *Facebook*. Hal ini kerana, pengguna di ruangan tersebut terdiri daripada kelompok yang berumur dewasa dan warga emas iaitu golongan yang menerima bantuan daripada kerajaan semasa pandemik. Kajian ini tidak meletakkan sebarang batasan dari segi gender, kumpulan etnik dan kelas ekonomi. Namun, fokus kajian hanya menyasarkan warganegara Malaysia sahaja. Data dalam kajian ini hanya merujuk kepada bantuan kerajaan yang dikenali sebagai Bantuan Kehilangan Pendapatan untuk B40. Bantuan ini disalurkan kepada rakyat di negara ini yang layak pada Jun 2021. Oleh itu, data yang mengaitkan dengan pemerintahan kerajaan mengenai bantuan ini adalah refleks kepada pihak yang berkuasa pada waktu itu.



1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual seperti dalam Rajah 1.1 adalah berasaskan kerangka urus tadbir yang baik oleh Handayani dan Nur (2019). Kajian ini menilai bantuan kehilangan pendapatan oleh kerajaan semasa pandemik COVID-19. Cadangan masyarakat yang diteliti dalam kerangka kajian ini adalah dengan mengambil kira ciri-ciri konsep urus tadbir yang baik khususnya sumber ekonomi dan kewangan yang saksama. Cadangan ke arah urus tadbir yang baik ini diperoleh melalui respons dan pengenalan kelemahan bantuan kehilangan pendapatan oleh masyarakat semasa pandemik yang hanya menyasarkan golongan B40 pada waktu itu.



Rajah 1.1*Kerangka Konseptual Kajian*

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Bantuan Kehilangan Pendapatan

Bantuan kehilangan pendapatan (BKP) merupakan bantuan yang disalurkan kepada golongan B40 yang kehilangan pendapatan akibat COVID-19. Bantuan sejumlah RM500 secara *one off* adalah bantuan tambahan kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Dalam konteks kajian ini BKP adalah sumber utama dalam kutipan data yang melibatkan komen netizen dalam media sosial. Komen-komen netizen mengenai bantuan ini dianalisis untuk menentukan sama ada bantuan yang diberi mencukupi

1.9.2 Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 di Malaysia berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Pandemik ini memberikan kesan ekonomi yang buruk kepada Malaysia dengan menurunkan nilai mata wang Malaysia serta telah memberi kesan sosial yang besar kepada masyarakat Malaysia. Pengkaji telah fokus tempoh permulaan pandemik ini dari bulan Mac tahun 2020 hingga bulan Mac tahun 2021.

1.9.3 Masyarakat Maya

Masyarakat maya merujuk kepada netizen yang meluahkan perasaan mereka terhadap Bantuan Kehilangan Pendapatan di laman *Facebook* iaitu dari bantuan kerajaan ketika pandemik. Tempoh masanya adalah dari Mac 2020 hingga Mac 2021. Menurut Haubenn (1997), istilah netizen merupakan gabungan perkataan “internet” dan “warganegara” yang merujuk kepada individu yang mengambil bahagian dalam komuniti atas talian menerusi ruang maya dan pengguna yang menggunakan internet untuk meluahkan perasaan terhadap bantuan kehilangan pendapatan semasa pandemik.

1.10 Rumusan Bab

COVID-19 sememangnya memberi kesan yang sangat mendalam terhadap ekonomi dunia. Ekonomi negara turut terjejas teruk sehingga sosioekonomi masyarakat mengalami tahap yang sangat kritikal. Dengan masyarakat kehilangan pendapatan dan ada yang kehilangan pekerjaan akibat daripada pandemik menjadikan kehidupan mereka serba kepincangan. Bantuan kerajaan kepada masyarakat tidak pernah berhenti walaupun berlaku beberapa perubahan politik pentadbiran negara.

Bantuan yang diberikan kerajaan untuk mengurangkan beban masyarakat terutamanya golongan B40 sedikit sebanyak membantu mereka namun begitu ada yang merungut bantuan yang diberikan adalah tidak mencukupi dan hanya tertumpu kepada beberapa pihak sahaja. Dengan mengambil kira keadaan ini, kajian ini mengupas sejauh



mana respons yang diberikan oleh netizen dalam media sosial terhadap bantuan kehilangan pendapatan oleh kerajaan.

Secara kesimpulannya, dalam bab ini telah menjelaskan tentang latar belakang, pernyataan masalah kajian berkaitan respons masyarakat terhadap bantuan kehilangan pendapatan semasa pandemik COVID-19. Di samping itu, objektif kajian, persoalan kajian dibentuk untuk mencapai tujuan kajian ini dijalankan. Seterusnya bab ini juga menyentuh tentang kerangka konseptual dan definisi operasional dijelaskan secara umum. Akhirnya beberapa limitasi dan kepentingan kajian dijelaskan dalam bab ini. Perbincangan pada bab seterusnya adalah lebih memfokuskan kepada teori dan beberapa kajian lepas yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian ini.

